

Umno bersatu jadi pembangkang di P

B-H

12/03/08 MFS 10

Analisis

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman

PERSOALAN siapa yang menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang sudah terjawab, selepas Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng mengangkat sumpah jawatan itu di hadapan Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas, kelmarin.

Kini, soal siapa yang bakal menjadi ketua pembangkang masih menjadi teka-teki dan yang pasti, jawatan ini bakal diisi oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) daripada Umno, untuk berdepan kerajaan negeri pimpinan DAP.

Sudah tentu, mereka bakal berdepan tugas berat kerana semuanya menjadi pembangkang dalam kerajaan negeri yang turut dibantu Parti Keadilan Rakyat (PKR), manakala Pas boleh dianggap sekadar 'menempel.'

DAP menang semua 19 kerusi DUN yang mereka tandingi, manakala PKR meraih

sembilan daripada 16 kerusi DUN dan Pas pula cuma berupaya menang satu daripada lima kerusi yang ditanding.

BN yang bertanding 40 kerusi DUN diwakili Umno, Gerakan, MCA dan MIC hanya mampu menang 11 kerusi yang semuanya dimenangi calon Umno.

Umno menang semua kerusi DUN di Parlimen Kepala Batas (DUN Penaga, Bertam dan Pinang Tunggal), Parlimen Tasek Gelugor (Permatang Berangan, Sungai Dua dan Teluk Air Tawar) dan Parlimen Balik Pulau (Bayan Lepas, Pulau Betong dan Teluk Bahang).

Selain itu, Umno menang satu kerusi DUN di Parlimen Nibong Tebal (Sungai Acheh) dan Permatang Pauh (Seberang Jaya). Keputusan itu menunjukkan calon Umno terselamat dalam pertarungan merebut 40 kerusi DUN apabila dapat memenangi 11 daripada 15 kerusi yang Umno bertanding.

Berdasarkan kepada keputusan ini, dalam bahasa yang lebih mudah, Umno menjadi parti penyelamat maruah BN yang tewas teruk dalam pilihan raya umum Sabtu lalu.

Namun, bagi Umno atau BN yang secara rasmi menjadi pembangkang, adakah me-

reka sudah bersedia atau berani sepenuhnya untuk menjadi suara rakyat yang masih menyokong BN.

Siapa pula di kalangan calon Umno yang menang akan dipilih menjadi ketua pembangkang selepas ini? Berdasarkan barisan yang ada, Adun yang dilihat layak menjadi ketua pembangkang ialah Datuk Azhar Ibrahim (DUN Penaga) berdasarkan senioriti.

Selain itu, faktor keberaniannya mematahkan dakwaan pembangkang ketika menjadi Exco kerajaan negeri sejak tiga penggal sebelum ini ketika sidang DUN perlu diambil kira.

Azhar yang sebelum ini menjadi Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir negeri sebelum ini disebut-sebut bakal dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri jika BN menang.

Selain Azhar, calon difikirkan layak untuk mengetuai pembangkang ialah Adun Teluk Bahang yang juga bekas Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya.

Beliau yang juga bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan sudah me-

Pulau Pinang

nimba pengalaman di Dewan Rakyat selama empat tahun untuk menjawab persoalan dan menangkis tohmahan pembangkang.

Dr Hilmi juga berpengalaman sebagai Timbalan Ketua Menteri sejak 1999 sebelum bertanding di kerusi Parlimen Balik Pulau pada Pilihan Raya Umum 2004.

Selain dua nama ini, secara hieraknya, Datuk Jahara Hamid (Teluk Air Tawar) juga berpengalaman di dalam kerajaan negeri dan Datuk Jasmin Mohamad (Sungai Dua) yang masuk penggal keempat menjadi wakil rakyat.

Adun Seberang Jaya, Datuk Arif Shah Omar Shah mungkin boleh membantu ketua pembangkang kerana kemampuannya bertutur dengan fasih dalam bahasa Tionghua.

Muka baru yang menang, Adun Bertam, Zabariah Wahab dan Adun Sungai Acheh, Datuk Mahmud Zakaria pula perlu mencari rentak untuk 'beraksi' di dalam DUN bersama rakan senior mereka berdepan pemimpin kerajaan baru.

Bagaimanapun, Azhar yang juga Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri berkata, Umno belum membuat keputusan siapa yang bakal dilantik menjadi ketua pembangkang.

Beliau berkata, Umno negeri akan bermesyuarat bagi membincangkan perkara itu sebelum berjumpa Perdana Menteri.

"Oleh kerana Ketua Menteri yang baru belum menentukan barisan Exconya, Umno tidak perlu tergesa-gesa mengumumkan siapa yang akan mengetuai parti pembangkang di DUN. Kita masih dalam tempoh bertenang dan dalam usaha mengembalikan semangat orang kita yang masih terkejut dan kecewa dengan keputusan pilihan raya umum yang lalu," katanya.

Bagi Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Abdul Rashid Abdullah, pembangkang (Umno) perlu bersatu padu bagi menghadapi kerajaan negeri baru.

Katanya, barisan pembangkang yang tinggal perlu bersatu padu dan tidak bertelagah serta perlu mengetepikan isu lampau, termasuk sentimen peribadi jika mahu menjadi pembangkang yang berkredibiliti.

Selain isu jawatan ketua pembangkang, rakyat Pulau Pinang juga memerhati dengan penuh minat bentuk kepemimpinan DAP. Semalam, Kerajaan Pulau Pinang mengumumkan pelantikan dua orang Timbalan Ketua Menteri untuk membantu tugas mentadbir negeri itu.

Guan Eng menamakan Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Penanti, Mohammad Fairus Khairuddin daripada PKR sebagai sebagai Timbalan Ketua Menteri pertama, manakala Adun Perai, Prof Dr P Ramasamy (DAP) sebagai Timbalan Ketua Menteri kedua.

Mereka akan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas hari ini.